

23/06/2001

Usul ekonomi, pendidikan lulus (HL)

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perhimpunan Agung Umno hari ini sebulat suara meluluskan usul pendidikan dan ekonomi dengan perwakilan mendesak kerajaan supaya mempertahankan sistem kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Mereka bukan saja mahu supaya kuota 55 peratus bagi Bumiputera dan 45 peratus untuk bukan Bumiputera dikekalkan, malah turut dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan jumlah komposisi kaum.

Perwakilan yang membahaskan usul itu pada hari kedua perhimpunan tahunan itu juga mahu dasar pendidikan untuk institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) diselarikan dengan dasar IPTA supaya sejajar dengan hasrat Dasar Pendidikan Negara.

Wakil Pergerakan Wanita Umno, Noriah Kasnon, ketika mencadangkan usul itu berkata jika sistem kuota dihapuskan jumlah pelajar Bumiputera ke IPTA akan lebih berkurangan dan keadaan bertambah buruk.

"Malah dengan kewujudan sistem kuota pun, jumlah profesional Bumiputera dari IPTA masih terlalu rendah. Tanpa ilmu pengetahuan, bangsa kita akan merempat di tanah air sendiri.

"Selain itu, orang Melayu juga masih lemah dalam bahasa Inggeris dan berharap Kementerian Pendidikan serius menangani isu ini," katanya.

Usul itu yang disokong oleh Tajul Urus Md Zain (wakil Kedah), diluluskan sebulat suara oleh kira-kira 2,000 perwakilan setelah dibahaskan enam wakil negeri iaitu Senator Kamalia Ibrahim dari Perak, Syed Hood Syed Idrus (Johor), Mohd Daud Tarihep (Selangor), Firdaus Harun (Negeri Sembilan), Datuk Suhaili Abdul Rahman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan Datuk Musidi Manjun (Sabah).

Isu pendidikan menguasai perbahasan berbanding ekonomi. Perwakilan juga gagal menyentuh isu ekonomi semasa seperti berkaitan Penerbangan Malaysia (MAS), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan yang berkisar kepada peletakan jawatan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan.

Terdahulu, Perhimpunan Agung Umno juga meluluskan sebulat suara usul ucapan terima kasih atas ucapan Presiden parti. Usul agama akan dibentangkan pagi esok sebelum ucapan penggulungan oleh pemimpin parti, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wakil Kedah, Tajul Urus pula berkata, soal kuota adalah antara dua isu penting selain ketetapan 30 peratus penyertaan Bumiputera dalam perniagaan seperti ketetapan Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang menentu survival Bumiputera yang tidak boleh ditolak ansur.

Katanya, jumlah pelajar Bumiputera di IPTA, IPTS dan di institusi pengajian tinggi luar negara sekarang cuma 25 peratus berbanding bukan Bumiputera dan berharap kerajaan tidak menghentikan penghantaran pelajar ke seberang laut.

"Pelajar Bumiputera di luar negara cuma 4,900 iaitu lima peratus berbanding 98,900 (95 peratus) bukan Bumiputera, manakala di IPTS pula bilangannya cuma sekitar 15 peratus daripada kira-kira 200,000 pelajar di 600 institusi itu," katanya.

Beliau juga meminta Dasar Pendidikan Negara tidak terlalu kerap diubah meskipun menterinya bertukar dari semasa ke semasa kerana langkah itu boleh merugikan negara.

Mohd Daud pula berkata, kuota itu harus dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira komposisi jumlah kaum di negara ini.

Berita Harian sebelum ini melaporkan supaya kuota kemasukan Bumiputera

ke IPTA itu ditingkatkan kepada 66 peratus berdasarkan banciaan 2000 yang menunjukkan 66.1 peratus daripada 23.37 juta warga Malaysia adalah Bumiputera.

Beliau kecewa kerana kajian di sebuah IPTA menunjukkan cuma enam pelajar Melayu mendapat ijazah kelas pertama daripada jumlah 18,466 graduan dalam tempoh 10 tahun.

Sementara itu, Suhaili berkata, satu punca kemerosotan pelajar Bumiputera dalam pendidikan adalah kerana masalah kemiskinan terutama di luar bandar.

Sehubungan itu, beliau meminta dihapuskan yuran wajib dan yuran khas bagi pelajar dari peringkat rendah hingga universiti, selain mahukan Kementerian Pendidikan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pengagihan peruntukan untuk projek pendidikan.

Bagaimanapun, pemerhati termasuk wartawan `kecewa' kerana perwakilan tidak menyentuh isu-isu ekonomi semasa seperti soal pembelian balik saham MAS oleh kerajaan daripada Tan Sri Tajuddin Ramli, dakwaan bahawa KWSP memberi pinjaman kepada Time dotCom dan isu berkisar peletakan jawatan Daim seperti dijangka ramai pihak.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, ketika ditemui selepas perhimpunan itu berkata, beliau sendiri juga masih tercari-cari jawapan mengapa isu berkaitan tidak disentuh langsung.

Katanya, perwakilan berbuat demikian mungkin berpandukan ucapan dasar Dr Mahathir yang tidak menyentuh isu terbabit, tetapi tertumpu kepada soal pokok - Melayu mudah lupa.

(END)